

16 NOV 1997

PEMIMPIN SABAH TERUS SOKONG PERDANA MENTERI

KOTA KINABALU, 16 Nov (Bernama) -- Pemimpin politik dan rakyat di Sabah hari ini terus menyuarakan sokongan padu terhadap kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan membantah keras sebarang usaha untuk meminta beliau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), sebuah komponen Barisan Nasional Sabah, Datuk Joseph Kurup berkata parti itu turut mengutuk pihak asing yang cuba menentukan kepimpinan negara ini.

"Majlis Tertinggi PBRS dan seluruh anggota parti di negeri ini akan berdiri teguh menyokong Datuk Seri Dr Mahathir dalam menerajui kepimpinan negara," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti itu di sini.

PBRS juga menyifatkan usul sekumpulan anggota Kongres Amerika Syarikat yang meminta Dr Mahathir meminta maaf atau meletakkan jawatan berhubung kenyataan anti-Yahudi, sebagai satu pencabulan kepada hak asasi dan prinsip demokrasi negara ini.

Di Tambunan, kira-kira 80km dari sini, sekumpulan penduduk tempatan yang menghadiri Majlis Perhimpunan Muhibah Masyarakat Islam Tambunan turut menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mereka turut membawa sepanduk yang mengecam tindakan anggota Kongres berkenaan.

Majlis yang diadakan di Dewan Masyarakat Tambunan itu dihadiri kira-kira 1,000 penduduk tempatan dan dirasmikan oleh Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah. -- BERNAMA

JS oba